

15 AUG 2000

PUSAT PERANGINAN CATAT REKOD KIBAR JALUR GEMILANG TERBANYAK

KOTA KINABALU, 15 Ogos (Bernama) -- Sebuah pusat peranginan bersepadu, Sutera Harbour Resort, hari ini mencatat rekod bagi pengibaran bendera kebangsaan Jalur Gemilang dan bendera negeri yang terbanyak dalam satu upacara di sini.

Pengibaran sejumlah 1,325 Jalur Gemilang dan 1,373 bendera negeri Sabah itu mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Records sebagai pengibaran bendera terbanyak pernah dilakukan setakat ini.

Upacara berkenaan berlangsung di pusat peranginan itu dengan dihadiri Timbalan Ketua Menteri Datuk Lajim Ukin.

Pada majlis itu, Lajim turut melancarkan Jalur Gemilang berukuran 20 meter panjang dan 6.7 meter lebar (66 kaki panjang dan 22 kaki lebar) yang direka khas oleh Sutera Harbour dan dikibarkan di pintu masuk pusat peranginan itu.

Acara itu adalah sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-43 yang akan disambut pada 31 Ogos ini.

Pusat peranginan berharga RM2.2 bilion itu dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bulan lepas.

-- BERNAMA

NT NMO